

29/07/2001

Ekuestrian: Nina kuasai hari ketiga

Mohd Ali Majid

NINA Melkonian menguasai hari ketiga Kejohanan Ekuestrian Antarabangsa Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Kelab Polo dan Menunggang Selangor, Ampang semalam.

Ekuin berasal dari Jerman dan mewakili Kelab Bukit Kiara dan Resort Country (BKERC) itu mengetepikan cabaran ekuin dalam dua acara kemuncak kejohanan semalam iaitu untuk juara wanita dan klasik.

Untuk muncul sebagai juara wanita dia diberi saingan sengit oleh ekuin negara, Quzandria Nur dan Helena Gabriellson dari Sweden.

Nina yang juga jurulatih kelab berkenaan dan pengarah kejohanan Piala Perdana musim ini mencatat masa 34.10 tanpa penalti dengan kuda kegemarannya, Xulana.

Quzandria yang menunggang Little Big Man menduduki tangga kedua dengan catatan masa 35.95 mata. Sementara Helena yang memacu Alladin sekadar berpuas hati di tangga ketiga dengan catatan 37.56 saat.

Dalam acara klasik halangan ketinggian 110-120cm dia dengan Xulana meraih tempat pertama dengan catatan 40.08 dalam sesi jump-off.

Dia diberi saingan oleh ekuin Indonesia yang memanas badan menjelang Sukan Sea, Adi Katompo yang menduduki tempat kedua dengan catatan 48.36 saat. Dia yang menunggang Cassandra dikenakan lima penalti.

Ekuin negara, Qabil Ambak yang memacu Nexus meraih tempat ketiga dengan catatan 81.93 saat dengan satu penalti di tempat ketiga.

Acara Grand Prix adalah acara kemuncak dalam kejohanan siri pertama Liga Piala Dunia Asia Tenggara ini yang dijangka turut disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)